

Tebing sungai ditambak

Projek tambahan sejauh empat kilometer bendung banjir

JASIN: Tebing Sungai Kesang dekat sini, akan ditambak sejauh kira-kira empat kilometer bagi mengelak kejadian banjir di kawasan sekitar Sungai Rambai daripada berulang, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata, selepas banjir besar melanda negeri ini pada 2006, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri sudah menambak tebing sungai berkenaan sejauh 18 kilometer membabitkan peruntukan sebanyak RM6 juta.

"Bagaimanapun, langkah ini didapati masih belum mencukupi dan pihak JPS mencadangkan supaya tebing ini ditambah lagi sejauh empat kilometer dengan membabitkan kos sebanyak RM2 juta.

"Jika tebing ini ditambak, ia dapat menghalang air sungai daripada memasuki kawasan kampung ketika hujan lebat," katanya selepas mengiringi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil ke pusat pemindahan mangsa banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai dekat sini, kelmarin.



NORFAISAL JAHURI | BERITA HARIAN

LIMPAHAN air yang berlaku dari Sungai Kesang di tebing penahan banjir di Kampung Penghulu Benteng.

Seramai 416 mangsa banjir terdiri daripada 89 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan terbabit selepas rumah mereka dilanda ban-

jur sejak Isnin lalu.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Perpaduan, Belia dan Sukan negeri, Datuk Ab Karim Sulai-

man dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara, Datuk Syed Abdul Rahman Syed Mohd.

Mengulas lanjut, Mohd Ali

berkata, beliau akan mengemukakan permohonan peruntukan bagi menambak Sungai Kesang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan berharap ia dapat diluluskan dengan kadar segera.

Katanya, selain peruntukan menambak Sungai Kesang, kerajaan negeri turut memohon peruntukan tambahan sebanyak RM255 juta untuk projek tebatan banjir di seluruh Melaka.

"Antara projek tebatan banjir yang dirancang ialah membina empangan di Sungai Gangsa dan kolam takungan banjir di Belimbing Dalam, Alor Gajah dan di Lipat Kajang, Jasin," katanya.

Mohd Ali berkata, kerajaan negeri akan memberi bantuan sebanyak RM200 kepada 1,490 keluarga di negeri ini yang terbabit dengan banjir.

"Bantuan ini mula diagihkan hari ini (kelmarin) dan saya berharap ia dapat meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh mangsa ketika membersihkan rumah mereka," katanya.